

January 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

69

th
ISSUE

info *kampus*

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005

KEMBARA DESA KOMANDER KESATRIA DAN KEBUDAYAAN DI KAMPUNG LUBOK BUNTING, SIMUNJAN

Oleh: Rasli Baki dan Hazis Wahab

Ahli-ahli Komander Kesatria dan Unit Kebudayaan UiTM Sarawak telah menganjurkan Program Kembara Desa di Kampung Lubok Bunting, Simunjan pada 23 Ogos 2014 yang diiringi oleh Encik Rasli Baki, Ketua Unit Kokurikulum dan Encik Hazis Wahab, Ketua Unit Kebudayaan UiTM Sarawak. Majlis perasmian ringkas program disempurnakan oleh Encik Aju Pet, Pengerusi PBB Ranting Kampung Lubok Bunting, Simunjan.

Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di sebelah pagi melibatkan kerja-kerja mengecat dan melukis di tadika kanak-kanak selain menjalankan kerja gotong-royong di persekitaran kampung bersama penduduk kampung. Di samping itu, aktiviti pertandingan berucap dan melukis bersama kanak-kanak Tadika Kemas juga diadakan di sebelah pagi di Sekolah Rendah Kampung Lubok Bunting. Di sebelah petang pula diadakan acara sukaneka yang melibatkan penduduk kampung, kanak-kanak sekolah dan pelajar-pelajar UiTM Sarawak. Turut diselitkan di sebelah petang adalah persembahan kebudayaan dan nyanyian yang dipersembahkan oleh pelajar-pelajar kebudayaan.

Program seperti ini diharap dapat memupuk dan menyemai nilai bakti dan rasa bertanggungjawab di dalam diri pelajar terhadap masyarakat. Pihak penganjur juga berharap program ini dapat menjadi satu platform untuk pelajar-pelajar menimba ilmu, terutamanya dalam menguasai kemahiran insaniah.



Kursus Team Building Staf UiTM Sarawak

Kursus anjuran Bahagian Pentadbiran UiTM Sarawak Kampus Samarahan ini telah berjaya dianjurkan dengan bantuan staf UiTM Sarawak Kampus Mukah. Kursus yang berlangsung selama 2 hari 3 malam (23-25 September 2014) di Kem Belia Mukah ini telah disertai oleh 37 orang peserta dari pelbagai bahagian dan unit termasuk staf UiTM Mukah. Kursus ini turut memberi pengalaman dan kesan yang mendalam kepada para peserta kerana aktiviti-aktiviti yang terpilih bertujuan untuk memastikan semangat kerja berpasukan dapat dicapai. Di antara aktiviti yang diadakan adalah seperti Latihan Berhalang, Tembok dan Alang, Tunggul dan Tayar, Meredah Hutan Tengah Malam, Sarang Labah-labah, *Silent Arrangement*, Merentas Sungai Asid dan lain-lain.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

**Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**